

# Graduan UMS perlu berdaya saing hadapi 4.0

UB 26.11.2018 AH

**KOTA KINABALU:** Kebijakan graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus maju dan berdaya saing adalah penting bagi menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 masa kini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, untuk itu graduan perlu memanfaatkan setiap pengalaman yang ditimba sepanjang pengajian.

“Anda perlu bersaing dengan graduan lain dari universiti seluruh Malaysia, malah antarabangsa.

“Saya amat yakin bahawa

anda telah ‘berguru’ dengan orang-orang yang hebat di UMS dan kini anda hanya perlu mempraktikkan ilmu berkaitan untuk mencari pekerjaan bagi menempuh hidup buat diri sendiri dan keluarga masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Konvokesyen UMS ke-20 bagi sidang tiga di Dewan Canselor, di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, Shafie yang juga Pro Canselor UMS mengingatkan graduan abad ke 21 ini supaya tidak mudah menunding jari menyalahkan

keadaan sekiranya mengalami kesukaran untuk memperoleh pekerjaan.

Sebaliknya, graduan seharusnya berfikiran positif dan proaktif dalam mencipta ruang serta peluang untuk diri sendiri.

Beliau berkata, kerajaan negeri memberi keutamaan kepada inisiatif pembangunan modal insan menerusi Bajet 2019 yang dibentangkan baru-baru ini.

Katanya, inisiatif itu termasuklah pelaburan di universiti berkenaan, sama ada melalui aktiviti pengajian mahu pun

penyelidikan.

“Kerajaan negeri juga meningkatkan peruntukan untuk pemberian biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajar negeri.

“Peruntukan yang diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran dan Inovasi ini ditambah sebanyak RM15 juta kepada RM52 juta pada tahun 2019, berbanding hanya RM37 juta pada 2018,” katanya.

Justeru, beliau berharap penambahan peruntukkan itu akan memberi peluang kepada lebih ramai anak watan Sabah untuk

melanjutkan pelajaran dan latihan ke peringkat lebih tinggi di dalam dan luar negara, termasuk di UMS sendiri.

Sementara itu, konvokesyen sidang tiga itu melibatkan seramai 807 graduan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan serta 63 graduan Fakulti Pertanian Lestari.

**-Oleh SADDAM EDRIS**

**SHAFIE (kanan)** menyampaikan skrol ijazah sarjana muda kepada salah seorang graduan yang mendapat kelas pertama.

